

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### KURSUS DIPLOMA EKSEKUTIF PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

**1. Apakah sebenarnya Kursus ini?**

Kursus ini merupakan Program Latihan yang ditawarkan oleh pihak APN melalui kolaborasi dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan yang terpilih.

**2. Apakah Objektif Kursus ini?**

2.1. Meningkatkan pengetahuan peserta dalam bidang perundangan dan penguatkuasaan undang-undang; dan

2.2. Melengkapkan peserta dengan teori dan praktikal perundangan serta perkembangan kes mahkamah yang terkini.

**3. Siapakah yang layak memohon Kursus ini?**

**Pegawai Penguatkuasa Undang-undang** daripada Jabatan Kerajaan dan Jabatan Swasta “Terhad”. “Terhad” merujuk kepada badan berkanun seperti SKMM, Suruhanjaya Sekuriti, SPAD, SSM dan sebagainya yang dikenakan kadar bayaran swasta apabila menghadiri kursus di APN. Pegawai Penguatkuasa yang diberi keutamaan ialah pegawai yang bertugas sebagai pegawai pendakwa di Mahkamah Awam Malaysia diikuti pegawai penyiasat di jabatan masing-masing.

**4. Bagaimana cara untuk memohon Kursus ini?**

Pemohon yang layak memohon Kursus ini boleh membuat permohonan melalui Sistem ICMAS di pautan <https://icmas.apn.gov.my/peserta/login.php>. Status pemohon yang berjaya dipilih mengikuti Kursus ini akan dikemaskini selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu sebelum Kursus ini dijalankan.

**5. Berapa kali kursus ini diadakan setahun?**

Dua (2) siri setahun, kebiasaannya pada bulan Jun-Julai bagi siri 1 dan Ogos-September bagi siri 2

**6. Berapa lama tempoh Kursus ini?**

Program latihan bagi setiap siri adalah untuk tempoh tujuh belas (17) hari bekerja termasuk satu (1) hari untuk hari ulang kaji dan dua (2) hari untuk peperiksaan.

**7. Berapakah bayaran dikenakan untuk mengikuti Kursus ini dan bagaimana cara bayaran boleh dibuat?**

Yuran bagi peserta Jabatan Kerajaan ialah sebanyak RM 150.00 sahaja manakala peserta Jabatan Swasta “Terhad” sebanyak RM 300.00 sehari. Yuran bagi Kursus ini boleh dibayar dengan cara sama ada tunai, wang pos atau pesanan kerajaan.

**8. Apakah subjek dan jumlah pembelajaran bagi Kursus ini?**

Kursus ini mengandungi **sembilan (9) subjek** bagi tempoh keseluruhan **108 jam pembelajaran** mengikut pembahagian seperti dalam Jadual di bawah :

<b>Bil</b>	<b>Subjek</b>	<b>Kod Subjek</b>	<b>Tempoh pembelajaran (jam)</b>
1.	<i>Malaysian Legal System</i>	LWD 101	8
2.	<i>Administrative Law</i>	LWD 102	8
3.	<i>Criminal Law</i>	LWD 103	10
4.	<i>Law of Evidence</i>	LWD 104	20
5.	<i>Criminal Procedure</i>	LWD 105	20
6.	<i>Contemporary Legal Issues in Enforcement Law</i>	LWD 106	10
7.	<i>Forensic Science</i>	LWD 107	10
8	<i>Procedures For Using The E-Filing System</i>	LWD 108	2
9.	<i>Criminal Trial and Advocacy</i>	LWD 109	20
<b>Jumlah tempoh pembelajaran</b>			<b>108</b>

**9. Apakah bahasa perantaraan bagi Kursus ini?**

Kursus ini akan dikendalikan dalam dwi bahasa, Bahasa Malaysia dan Inggeris.

**10. Apakah kelebihan Program Latihan ini berbanding Kursus lain yang ditawarkan oleh pihak APN?**

Selain dari sijil penyertaan yang dikeluarkan oleh pihak APN, peserta yang berjaya menamatkan Kursus ini dan lulus peperiksaan akan dianugerahkan **Sijil Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang** oleh pihak UiTM.

**11. Apakah Sijil Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang mendapat pengiktirafan oleh pihak MQA?**

Sijil Diploma ini tiada pengiktirafan MQA dan tidak boleh digunakan sebagai sijil akademik. Ia hanya merupakan nilai tambah kepada pembangunan kerjaya dan profesionalisme peserta dalam bidang undang-undang.

**12. Apakah syarat-syarat Penganugerahan Sijil Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (“Sijil Diploma”)?**

12.1. Setiap peserta layak dianugerahkan Sijil Diploma jika –

10.1.1 Lulus kedua-dua komponen 1 dan 2 dalam Program Latihan; dan

10.1.2 Hadir sekurang-kurangnya 70 peratus dari jam pembelajaran bagi semua subjek.

12.2. Peserta adalah dianggap gagal dan tidak layak dianugerahkan Sijil Diploma jika –

10.1.3 Gagal dalam salah satu atau kedua-dua komponen dalam Program Latihan; dan

10.1.4 Tidak hadir sekurang-kurangnya 70 peratus dari jam pembelajaran bagi semua subjek.

- 13. Apakah bentuk pengajaran dan penilaian kursus dalam Program Latihan ini?**  
Program Latihan ini akan dilaksanakan dalam bentuk ceramah (teori), amali (kerja kursus individu dan berkumpulan) dan praktikal (*mock trial*) serta penilaian peperiksaan. Semua peserta wajib menyelesaikan tugas dalam tempoh Program Latihan dan hadir menjawab peperiksaan.
- 14. Siapakah barisan tenaga pengajar bagi Program Latihan ini?**  
Tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah IPTA dan penceramah APN serta mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman luas dalam bidang berkaitan
- 15. Dimanakah lokasi pembelajaran Program Latihan ini?**  
Program Latihan ini akan dilaksanakan di Kampus APN, Bandar Baru Bangi, Selangor
- 16. Adakah makan minum dan penginapan disediakan?**  
Pihak APN akan menyediakan kemudahan penginapan, makan dan minum kepada peserta
- 17. Sekiranya terpilih, apakah persediaan untuk mengikuti Kursus ini?**  
Selain membawa peralatan diri yang mencukupi untuk berkursus, peserta juga hendaklah membawa Akta-Akta utama berkaitan subjek Kursus ini disamping Akta dan Peraturan yang terpakai di jabatan peserta masing-masing. Selain itu, peserta boleh membawa komputer riba untuk tujuan menyiapkan tugas dan komputer riba tersebut adalah setiap masa di bawah tanggungjawab selamat peserta. Peserta juga hendaklah bersedia dari segi mental dan fizikal kerana komitmen yang sangat tinggi dituntut daripada setiap peserta untuk terlibat secara aktif dalam setiap kelas, tugas pembentangan (individu/berkumpulan) dan *mock trial*.

**Sebarang maklumat lanjut, boleh hubungi Penyelaras atau Urus Setia Kursus ini.**